

Shafie Optimis Diberi Mandat Naib Presiden Umno
Bernama
12 Oct, 2013

SEMPORNA, 12 Okt (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Mohd Shafie Apdal yakin beliau akan diberi mandat sekali lagi oleh anggota perwakilan Umno untuk memegang jawatan naib presiden parti pada pemilihan 19 Okt ini.

Beliau berkata berdasarkan lawatannya ke beberapa negeri menemui perwakilan dan mendapatkan maklum balas daripada mereka, kehadirannya disambut baik.

"Sambutannya Alhamdulillah. Saya sudah ke negeri seperti Pahang, Negeri Sembilan, Kedah dan Perlis.

"Insya-Allah kalau tidak ada halangan, dari segi bahasa badan bahkan dari segi pengakuan, mereka akan memberi tempat kepada saya untuk duduki kerusi naib presiden," katanya kepada pemberita selepas meninjau perjalanan proses mesyuarat dan pemilihan jawatan bagi tiga sayap Umno Bahagian Semporna di sini Sabtu

Sebanyak 1,133 anggota perwakilan Pemuda Umno, 570 (Puteri) dan 2,129 (Wanita) Bahagian Semporna terlibat dalam pemilihan kali ini.

Mengenai perjalanan proses mesyuarat perwakilan tiga sayap Umno Semporna itu, Shafie berkata ia berjalan dengan baik dan memuaskan begitu juga beberapa bahagian di Sabah yang sempat dihubunginya seperti Kinabatangan, Tuaran dan Keningau kecuali sedikit aduan diterima.

Mengulas sama ada masih perlu penambahbaikan dilakukan ke atas kaedah dan proses pemilihan parti kali ini, Shafie berkata memang masih ada beberapa aspek yang boleh diperbaiki dan perkara itu akan diteliti Umno kelak.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=985239>